

21/08/2003

Cendekiawan, pemimpin Islam sanjungi pemikiran Dr Mahathir

PANDANGAN progresif Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Islam mendapat reaksi yang baik daripada cendekiawan dan pemimpin Islam Syria dalam satu dialog di Damsyik Isnin lalu.

Pada dialog dengan ulama, ilmuwan dan pemimpin agama itu, Perdana Menteri secara spontan menjawab soalan daripada isu mengenai keganasan hinggalah ke pemodenan dan Islam.

Hadirin amat menghargai pandangan jujur Dr Mahathir sehingga seorang daripada peserta dialog menggesa Perdana Menteri menulis buku mengenai pembangunan Malaysia yang berlandaskan suruhan agama.

Dialog kira-kira sejam itu dipengerusikan Menteri Wakaf Syria, Mohamad Ziadah. Berikut adakah petikan daripada ucapan ringkas Dr Mahathir dan